



22 JUN, 2025

Jimat banyak guna di luar waktu puncak



Sinar Harian, Malaysia

JIMAT BIL ELEKTRIK 20 PERATUS

JIKA GUNA DI LUAR WAKTU PUNCAK

■ Sebanyak 23.6 juta pengguna domestik di negara ini mampu melakukan penjimatatan bil sehingga 20 peratus jika lebih banyak menggunakan elektrik di luar waktu puncak iaitu sepanjang Sabtu dan Ahad, serta dari jam 10 malam hingga 2 petang pada hari-hari lain.

■ Profesor ekonomi dari Universiti Sains Islam Malaysia, Dr Nuradli Ridzwan Shah Mohd Dali berkata, ia susulan pelaksanaan Skim Masa Penggunaan bermula 1 Julai ini, yang akan mendorong perubahan tabiat orang ramai dalam menggunakan barang elektrik.

■ Sementara itu FOMCA berkata, pengenalan Insentif Cekap Tenaga pula akan membolehkan isi rumah yang menggunakan 1,000 kWj atau kurang setiap bulan, mengelak daripada sebarang kenaikan tarif, sekali gus menggalakkan penggunaan tenaga secara bertanggungjawab.

MUKA 2



22 JUN, 2025

Jimat banyak guna di luar waktu puncak



Sinar Harian, Malaysia

Jimat banyak guna di luar waktu puncak

Penggunaan elektrik pada Sabtu, Ahad dan 10 malam hingga 2 petang hari biasa boleh jimat 20 peratus

Oleh MUKHRIZ MAT HUSIN
SHAH ALAM

Amanal penggunaan elektrik di luar waktu puncak dijangka memberi penjimatan sehingga 20 peratus kepada 23.6 juta pengguna domestik di negara ini.

Pensyarah Fakulti Ekonomi dan Muamalat Universiti Sains Islam Malaysia, Profesor Dr Nuradli Ridzwan Shah Mohd Dali berkata, perluasan skim Masa Penggunaan (TOU) boleh mendorong kepada perubahan tabiat pengguna dalam menggunakan barang elektrik sekali gus mengurangkan perbelanjaan kos sara hidup harian mereka.

"Sebagai contoh, dari jam 2 petang hingga 10 malam, kita sediakan waktunya tersebut orang mula balik kerja. Jadi penggunaan elektrik tentu akan banyak dalam tempoh tersebut."

"Namun jika penggunaan elektrik kita masa bukan puncak membolehkan pengguna mendapat diskaun harga, maka ia akan mengubah tabiat mereka."

"Kesannya apabila tabiat berubah, maka ia akan mempengaruhi kos sara hidup atau lebih tepat lagi kos kita dalam menggunakan elektrik itu dapat dikurangkan," katanya kepada *Sinar Ahad*.

Pada Jumaat, Suruhanjaya Tenaga (ST) mengumumkan ka-



Tarif baharu elektrik akan dilaksanakan bermula 1 Julai ini.
Gambar kecil: Nuradli Ridzwan Shah

dar tarif elektrik yang lebih adil dan progresif bermula 1 Julai ini.

Ini termasuklah Insentif Cekap Tenaga di mana penggunaan di bawah 1,000 kWj tidak akan mengalami kenaikan tarif.

ST turut menyalaras dan memperluas pelaksanaan skim TOU yang kini merangkumi hujung minggu dan waktu luar punca-

kar bekerja dari jam 10 malam hingga 2 petang kecuali harinya, membolehkan pengguna menikmati lebih penjimatan dengan mengalihkan aktiviti penggunaan tenaga tinggi ke waktu-waktu tersebut.

Ujar Nuradli Ridzwan Shah, pendekatan bekerja dari rumah juga merupakan salah satu kaedah berkesan untuk membantu syarikat komersial menjimatkan tenaga," menurutnya.

"Jika pekerja 100 peratus bekerja dari rumah, memanglah mereka terpaksa bayar seperti caj utiliti, elektrik dan pendingin hawa. Namun untuk beri situasi menang-menang, mungkin sys-

rikat boleh laksanakan kaedah bekerja secara hibrid," ujarnya.

Tambah beliau, kesedaran mengenai penjimatan elektrik juga perlu dilaksanakan dari peringkat sekolah, supaya generasi muda dapat memahami kepentingan penggunaan tenaga secara berhemah sejak awal lagi.

"Dengan adanya pelaksanaan TOU, kita akan nampak perubahan dalam kelakuan pengguna. Contohnya golongan ibu mungkin akan basuh baju selepas jam 10 malam.

"Mungkin ada rakyat akan menggunakan pendingin hawa pada waktu malam. Sebab itu saya sarankan kita kena ajar masyarakat dari muda lagi macam mana cara hendak menjimatkan tenaga," menurutnya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Persekutuan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (Fomca), Dr. T. Saravanan berkata, pengenalan Insentif Cekap Tenaga membolehkan isi rumah yang menggunakan 1,000 kWj atau kurang

TARIF BAHRU ELEKTRIK

Apa anda perlu tahu?



1. BERAPA KADAR TARIF BAHRU?

- Kadar purata tarif asas diselaraskan berdasarkan kadar 45.40 sen/kWj berbanding 45.62 sen/kWj yang diluluskan pada Disember 2024.

2. APA MAKNANYA KEPADA KITA SEBAGAI PENGGUNA?

- Pengguna domestik dengan penggunaan elektrik 1,000 kWj dan ke bawah dijangka tidak terkena dengan pelaksanaan jadual tarif baharu ini. Selain itu, pengguna bukan domestik voltan rendah yang menggunakan 200 kWj dan ke bawah turut akan mendapat manfaat daripada Insentif Cekap Tenaga.

3. BAGAIMANA PENGGUNA BOLEH DAPAT PENJIMATAN YANG LEBIH TINGGI?

- Suruhanjaya Tenaga memperkenalkan skim baharu iaitu Masa Penggunaan atau *Time of Use (TOU)*. Tempoh luar punca diperluas dan lebih panjang.

4. BILAKAH TEMPOH LUAR WAKTU PUNCAK TERSEBUT?

- Keseluruhan Sabtu, Ahad dan 10 malam hingga 2 petang pada hari Isnin hingga Jumaat. Ini bagi menggalakkan pengurusan penggunaan yang lebih cekap mengikut waktu permintaan. Jika pengguna guna waktu di luar punca, mereka dapat jimat bil elektrik berbanding penggunaan yang sama pada waktu punca.

5. ADAKAH FORMAT BIL ELEKTRIK KITA AKAN BERUBAH BERMULA JULAI NANTI?

- Ya semua pengguna akan menerima bil elektrik dalam format baharu yang lebih terperinci (*itemised billing*).

6. BAGAIMANA PULA DENGAN PENGGUNA DALAM KATEGORI MISKIN TEGAR?

- Menurut Suruhanjaya Tenaga, Kerajaan Madani tetap teruskan Program Rebab Bil Elektrik RM40, iaitu bantuan bulanan sehingga maksimum RM40 yang diberikan kepada Ketua Isi Rumah (KIR) berstatus miskin tegar dan berdaftar dalam sistem e-Kasih di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM).

7. BAGAIMANA PULA DENGAN MASJID, RUMAH IBADAT, SEKOLAH DAN INSTITUSI PENDIDIKAN?

- Menurut Suruhanjaya Tenaga, rebab sebanyak 10 peratus akan diberi kepada sekolah, institut berdaftar pengajian tinggi, rumah kebajikan dan ibadat.

setiap bulan, mengelak daripada sebarang kenaikan tarif, sekali gus memberi ganjaran kepada pengguna yang cekap tenaga dan menggalakkan penggunaan secara bertanggungjawab.

"Struktur yang dikemas kini ini turut merangkumi sistem bil yang lebih terperinci, termasuk pecahan bagi penjanaan tenaga, penggunaan rangkaian, caj kapa-

siti dan kos runcit.

"Tahap ketelusuran ini memberi kuasa kepada pengguna untuk lebih memahami bil mereka dan memberikan kejelasan mengenai bagaimana kos tersebut ditentukan, sekali gus meningkatkan kepercayaan dan membolehkan pengguna membuat keputusan penggunaan yang lebih bijak," katanya dipetik *Bernama*.